



**Pusat Khidmat Pelanggan**

Hubungi **1 300 80 3030**  
pada kadar tempatan

+603 2171 3030

[amassurance-general@ambankgroup.com](mailto:amassurance-general@ambankgroup.com)

Taip **AmG<jarak>mesaj**  
Hantar ke 33911 (AmAlert)

**LAMPIRAN PENYATAAN PRODUK untuk Polisi AmHospitality Package**

**NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Penyataan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi AmHospitality Package ini. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.**

**1. Apakah produk ini?**

Polisi ini menyediakan anda perlindungan komprehensif seperti:

- Bahagian I – Kebakaran & Bencana Khas
- Bahagian II – Semua Risiko (Opsyenal)
- Bahagian III - Kecurian
- Bahagian IV - Wang
- Bahagian V – Kepingan Cermin Kaca
- Bahagian VI – Jaminan Kesetiaan
- Bahagian VII – Liabiliti Awam
- Bahagian VIII – Liabiliti Majikan
- Bahagian VIII – Kemalangan Peribadi

**2. Apakah perlindungan/faedah yang disediakan?**

Polisi ini melindungi:-

- Bahagian I – Kehilangan atau kerosakan disebabkan kebakaran atau Bencana Khas
- Bahagian II - Kehilangan atau kerosakan disebabkan kebakaran, kecurian atau kerosakan tidak disengajakan
- Bahagian III – Kehilangan disebabkan oleh kecurian selepas kemasukan secara paksaan
- Bahagian IV – Kehilangan Wang ketika transit atau yang disimpan di dalam premis anda
- Bahagian V – Kerosakan tidak disengajakan kepada cermin kaca yang dipasang di dalam premis anda
- Bahagian VI – Ketidakjujuran kakitangan anda
- Bahagian VII – Kehilangan atau kerosakan kepada Harta Pihak Ketiga atau kecederaan tubuh badan disebabkan kecuai anda
- Bahagian VIII – Liabiliti kepada kakitangan anda terhadap kecederaan atau kesakitan yang diperolehi ketika bekerja di bawah anda
- Bahagian VIII – Kematian & Hilang Upaya Kekal untuk Tetamu di Hotel akibat daripada kemalangan ketika menginap di hotel tersebut

Anda boleh melanjutkan perlindungan kepada risiko-risiko berikut dengan membayar premium tambahan:-

- Kerosakan Kapal Terbang
- Gempa Bumi & Letupan Gunung Berapi
- Tangki Air Yang Pecah atau Melimpah-limpah
- Letupan
- Kerosakan Impak
- Kebakaran Semak/Lalang
- Ribut & Ribut Kencang
- Banjir
- Rusuhan, Tunjuk Perasaan, Kerosakan Disebabkan Niat Jahat
- Mendapan & Gelinciran Tanah
- Kebocoran Air Pancut

**3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?**

Jumlah premium yang anda perlu bayar bergantung kepada nilai diinsuranskan untuk Pelan Kebakaran yang dipilih.

|                              | Nilai Diinsuranskan<br>(RM) | Premium (RM) |
|------------------------------|-----------------------------|--------------|
| Kebakaran & Bencana Terpilih | _____                       | _____        |
| Bahagian Lain                | _____                       | _____        |

Jumlah premium tahunan yang perlu anda bayar ialah: RM \_\_\_\_\_

**4. Berapakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?**

Apa yang perlu anda bayar sebagai tambahan kepada premium Amaun  
Cukai Perkhidmatan (jika ada) 5% daripada premium  
Duti setem RM10.00

Apakah yang termasuk di dalam premium Amaun  
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada) 15% daripada premium

**5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?**

- Kepentingan membuat pendedahan – Anda perlu mendedahkan kesemua fakta material yang anda ketahui atau perlu ketahui; atau polisi anda boleh menjadi tidak sah.
- Anda mesti pastikan yang harta anda diinsuranskan pada amaun yang bersesuaian dengan mengambil kira pengubahsuaian yang dibuat kepada harta anda.
- Lebihan, iaitu amaun yang anda perlu tanggung sebelum kami membayar ganti rugi kepada anda.

**6. Apakah pengecualian utama di dalam polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kecederaan yang disebabkan atau akibat daripada:

- Perang, Perang Saudara dan sebarang tindakan keganasan
- Risiko-risiko radioaktif dan tenaga nuklear
- Pengiktirafan tarikh
- Kerosakan harta kepada perisian data
- Bahagian 'Liabiliti kepada Awam' tidak melindungi kecederaan yang berkaitan dengan asbestos atau kerosakan yang melibatkan penggunaan, kehadiran, kewujudan, pengesanan, penyingkiran atau pengelakkan asbestos atau pendedahan atau potensi pendedahan kepada asbestos

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian yang terkandung di bawah polisi ini.

**7. Bolehkah saya membatalkan polisi?**

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan, anda berhak ke atas bayaran balik premium tolak premium berdasarkan kadar tempoh pendek kami bagi tempoh polisi yang telah berkuat kuasa, tertakluk kepada premium minimum yang akan kami simpan. Tiada bayaran balik premium dibenarkan jika terdapat tuntutan dibuat di bawah polisi ini.

**\*Jadual Kadar Tempoh Pendek**

| Tempoh Tidak Melebihi    | Bayaran Balik Premium Tahunan |
|--------------------------|-------------------------------|
| 1 bulan                  | 80%                           |
| 2 bulan                  | 70%                           |
| 3 bulan                  | 60%                           |
| 4 bulan                  | 50%                           |
| 5 bulan                  | 40%                           |
| 6 bulan                  | 30%                           |
| 7 bulan                  | 25%                           |
| 8 bulan                  | 20%                           |
| 9 bulan                  | 15%                           |
| 10 bulan                 | 10%                           |
| 11 bulan                 | 5%                            |
| Tempoh melebihi 11 bulan | Tiada bayaran balik           |

**8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan di dalam butiran perhubungan saya?**

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan kepada maklumat terperinci anda bagi memastikan yang kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya

**9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?**

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans lain, sila rujuk kepada buku panduan *insuranceinfo* yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda juga boleh mendapatkan senaskhah salinannya daripada ejen insurans atau layari [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**AmG Insurance Berhad**  
Tingkat 9, Bangunan AmAssurance,  
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia

**Pusat Perkhidmatan Pelanggan**  
Tingkat Bawah, Bangunan AmAssurance  
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur.  
Tel: 1 300 80 3030 Faks: (603) 21713030  
E-Mel: [amassurance-general@ambankgroup.com](mailto:amassurance-general@ambankgroup.com)  
Laman web: <https://www.amassurance.com.my>

**10. Produk-produk lain dengan perlindungan asas dan lanjutan yang boleh didapati**

Sila merujuk kepada cawangan-cawangan dan ejen-ejen kami untuk jenis-jenis perlindungan serupa yang boleh didapati.

**NOTA PENTING:**

**ANDA HARUS BERPUAS HATI YANG POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEPATUTNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**